

Abstrak

Panduan strategi pembinaan *akhlaq imani* menerusi al Quran: Kajian berdasarkan perbezaan antara ayat-ayat *Makkiyah* dan *Madaniyah* yang berkenaan

Oleh: Mansor Bin Sulaiman (UMP)

Kajian ini cuba meninjau strategi pembinaan akhlak imani yang dikemukakan al Quran berdasarkan kronologi penurunannya. Ini adalah disebabkan penulis mendapati terdapat suatu keselarian antara ayat-ayat al Quran yang diturunkan dengan tahap pemikiran dan keperibadian masyarakat ketika ia diturunkan. Walaupun tidak semua manusia ketika itu berada dalam landasan keselarian ini tetapi terdapat golongan yang termasuk dalam landasan ini. Menerusi pengamatan penulis, golongan inilah selepas itu menjadi pendokong kepada dakwah yang digerakkan oleh Rasulullah s.a.w. seterusnya menjadi perintis kepada kebangunan tamadun Islam. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis beberapa nas yang berkaitan dengan *dakwah* dan *tarbiah*, mengikut kronologi *Makkiyah* dan *Madaniyah*, seterusnya akan dianalisis dari sudut kedudukannya sebagai strategi dalam pembinaan *akhlaq imani* atau pun sebaliknya. Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini akan menggunakan kaedah *qualitative* iaitu hasil-hasil yang diperolehi hanya bersandarkan kepada kaedah kajian perpustakaan melalui sumber-sumber seperti al Quran, tafsir al Quran, tulisan-tulisan berkaitan pendidikan akhlak dan sebagainya. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada memantapkan khazanah ilmu al Quran di Malaysia pada hari ini seterusnya melahirkan manusia pembina tamadun mengikut acuan al Quran.

1.0 PENDAHULUAN

Al Quran diturunkan Allah kepada manusia sebagai panduan dalam menghadapi kehidupan. Penurunan al Quran secara berfasa-fasa yang merangkumi peringkat *Makki* dan *Madani* mempunyai pelbagai hikmah tersendiri. Antara hikmah yang dicungkil oleh penulis adalah ia menunjukkan bahawa fasa-fasa ini mengajar strategi dalam membina *akhlaq imani* di kalangan manusia.

Justeru, tulisan ini akan mengupas berhubung persoalan kaitan antara penurunan al Quran menerusi fasa *Makki* dan *Madani* dengan strategi pembinaan *akhlaq imani*. Tulisan ini juga turut menyentuh secara ringkas *sirah* yang berlaku selari dengan penurunan nas-nas tersebut bagi menunjukkan peranan penurunan al Quran yang berfasa dengan strategi tersebut.

2.0 KONSEP AKHLAK IMANI

2.1. DEFINISI AKHLAK SECARA UMUM

Dari sudut bahasa akhlak berasal daripada perkataan *al khuluq* bermakna tabiat, *jama'*nya ialah akhlak. *Al khulqu* dan *al khuluq* bermakna perangai. *Al khuluq* juga adalah agama, tabiat dan perangai. Manakala hakikatnya adalah sifat kepada gambaran batin manusia¹. Akhlak atau pun *khuluk* menurut istilah sepertimana yang didefinisikan oleh para ulama, antaranya ialah sebagai keadaan yang bertapak di jiwa, daripadanya lahir perbuatan-perbuatan dengan secara mudah tanpa memerlukan kepada berfikir terlebih dahulu dan renungan. Sekiranya akhlak yang terhasil adalah perbuatan yang terpuji dari pandangan akal dan syara' maka keadaan itu dinamakan sebagai akhlak baik. Sekiranya yang terhasil adalah perbuatan yang buruk maka dinamakan sebagai akhlak buruk²

Berdasarkan definisi di atas, akhlak merupakan suatu yang lahir daripada jiwa serta melahirkan tindakan yang spontan hasil tolakan daripada apa yang ada dalam jiwa seseorang itu. Oleh itu, suatu yang belum menjadi tindakan spontan daripada seseorang sebagai contoh perlu memikir atau membincangkan dahulu tindakan yang perlu diambil dalam menangani sesuatu perkara adalah tidak dikira sebagai akhlak. Selain daripada itu, oleh kerana ia bertitik-tolak daripada jiwa maka untuk mendapatkan akhlak yang baik, jiwa perlu cenderung kepada kebaikan kerana jika jiwa cenderung kepada keburukan maka ia menjurus kepada akhlak yang buruk. Definisi ini secara tidak langsung menjelaskan berkenaan besarnya hubungan antara iman dengan keperibadian seseorang. Disebabkan itu, Islam mengikat akhlak dengan akidah yang sejahtera dan menjadikan akhlak ini merangkumi segala aspek hubungan berkaitan manusia dengan manusia dan dirinya sendiri³. Perkara ini termaktub dalam firman Allah yang menggambarkan hubungan hati dengan amalan seseorang menerusi perumpamaan tanah dan tumbuhan yang ditanam pada tanah tersebut. Firman Allah:

وَالْبَلَدِ الطَّيِّبِ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكْدًا

¹ Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu Mukarram. *Lisan al Arab*. 1966. Matba'ah al Misriyyah. Mesir.

² Dr. Zaki Mubarak. *Al Akhlak inda al Ghazali*. T.th .Al Matba'ah al Rahmaniyyah. Mesir. Cet. 2:161

³ Dr. Abdul Jalil Ibrahim Hamadi al Fahdawi. *Athar al Quran al Karim Fi Taghyir al Hayah al Ijtima'iyah Fi Mujtama' al Arabi*. 2006. Dar al Kutub al Ilmiyyah. Cet. 1. Beirut.:95

Maksudnya:

“Dan tanah yang baik, tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan seizin Allah; dan tanah yang tidak subur, tanaman-tanamannya hanya tumbuh merana.”

(al Quran; Surah al A'raf: 58)

2.2. AKHLAK IMANI

Menurut Sulaiman Yasin, iman walaupun bersifat ghaib⁴ tetapi ia tidak terpisah daripada realiti kehidupan. Iman bukan semata-mata perasaan atau amalan batin dalam diri seseorang sahaja tetapi ia adalah hakikat yang terjelma dan tergambar dalam semua bidang dan lapangan. Iman yang hanya terpendam dalam jiwa lebih merupakan dakwaan yang tidak terbukti. Perkara ini telah dijelaskan dalam al Quran melalui banyak tempat yang menggambarkan bahawa tiada pemisahan antara iman dan amal. Ini dapat dilihat dalam setiap ungkapan iman dalam al Quran pasti ia akan diiringkan atau didahulukan dengan ungkapan yang menggambarkan tuntutanannya iaitu amal sama ada dengan kalimah amal soleh, takwa⁵ atau penyerahan diri kepada Allah⁶.

Perkara yang sama disebutkan oleh Dr. Yusuf al Qardawi berkenaan dengan iman ini. Antara lain beliau menyatakan bahawa iman bukan sekadar berlegar dalam lingkungan pengetahuan yang tidak sedikit pun menggerakkan seseorang itu kepada penghayatan tuntutan iman itu sendiri seperti

⁴ Secara umum takrifan iman itu sendiri menggambarkan kepada keyakinan terhadap hakikat-hakikat yang bersifat ghaib dan bukan bersifat alam benda. Perkara-perkara ghaib yang layak menjadi asas kepada iman adalah perlu memiliki ciri-ciri berikut iaitu pertama, perkara ghaib tersebut bukan merupakan khayalan atau khurafat, bukannya dongeng atau sangkaan tetapi adalah daripada perkara yang dapat diterima, diakui dan dapat dibuktikan oleh akal walaupun akal tidak mampu untuk menggambarkan hakikat keghaibannya namun akal tidak dapat menafikan atau mengingkari kebenarannya. Jelasnya hakikat ghaib yang menjadi asas iman itu tidak bercanggahan dengan kebenaran dan kelojikan akal. Kedua, perkara yang ghaib tersebut bukan suatu yang kosong tanpa ada kaitan dengan kegiatan hidup seharian. Malahan sebaliknya perkara ghaib yang menjadi asas dan bahan iman itu berkait rapat dengan kehidupan amali atau perilaku amalan manusia dan tamadunnya, dengan erti kata bahawa ghaib yang menjadi bahan iman itu memberi kesan dan pengaruh kepada fikiran, jiwa dan kegiatan hidupnya. Ketiga perkara ghaib tersebut mestilah mempunyai kekuatan maknawi yang dapat membentuk suatu sistem tamadun supaya sentiasa dapat menguasai tenaga fikiran dan amalan umat dalam usaha membina kehidupan dan tamadunnya. Contoh kekuatan *maknawi* tersebut ialah merasai ketuhanan Allah sehingga mendatangkan rasa kekuatan untuk melakukan amal soleh dan gentar untuk melakukan perkara-perkara kemungkar. Keimanan kepada perkara ghaib ini memberi maksud memperhubungkan diri dengan alam wujud yang lebih luas dari alam nyata di dunia ini. Adapun manusia yang meletakkan asas keimanannya ialah perkara-perkara dalam lingkungan benda, ia hanya menyempitkan erti kehidupan kepada kehidupan yang nampak di dunia sahaja. (Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. *Islam Dan Aqidah (Satu Pengantar)*. 1985. al Omari Sdn. Bhd. Selangor. :301-308)

⁵ Ibnu Taimiyah dalam kitabnya '*al Akhlak al Karimah*' mengkategorikan taqwa sebagai salah satu akhlak mulia (Ibnu Taimiyah, Syekh al Islam Taqiyyuddin Ahmad. Tahqiq: Abdullah Badran & Muhammad Omar al Haji. *Makarim al akhlak*. 1994. Dar al Khair. Cet. 1. Beirut: 35.

⁶ Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. *Islam Dan Aqidah (Satu pengantar)*. 1985: 308.

mengetahui makna *ilah*, ibadah, tauhid dan sebagainya⁷. Yang dimaksudkan dengan iman di sini ialah iman yang terpahat di hati dan dibuktikan dengan amal sepertimana disebutkan Allah dalam firmanNya⁸:

انما المؤمنون الذين آمنوا بالله ورسوله ثم لم يرتابوا وجاهدوا بأموالهم وانفسهم في سبيل الله اولئك هم الصادقون

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar.”

(al Quran; al Hujurat: 15)

Said Qutb juga menyatakan perkara yang sama iaitu beliau menyatakan bahawa iman yang benar apabila telah berada tetap di dalam dada akan menzahirkan kesan-kesannya dalam tingkah laku seseorang. Selain daripada itu, al Imam al Askolani⁹ pula menyatakan bahawa iman adalah amal berdasarkan penjelasan daripada beberapa nas tertentu daripada al Quran dan hadith. Antaranya:

I. Penjelasan iman dalam hadith di bawah sebagai amal:

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم سئل : أي العمل أفضل ؟ قال ايمان بالله

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. telah ditanya; “Apakah amalan yang afdhal?” Lalu Rasulullah menjawab: “Beriman kepada Allah”.

II. Tafsiran amal dalam ayat al Quran di bawah sebagai iman. Firman Allah s.w.t.:

وتلك الجنة أورتتموها بما كنتم تعملون

⁷ Tauhid yang sebenar dan sah ialah tauhid sepertimana yang diperjuangkan oleh para rasul di sepanjang zaman iaitu tauhid dengan mengesakan Allah melalui pengabdian yang penuh ikhlas terhadapNya (*Tauhid Uluhiyah*). Tauhid ini merupakan tujuan terbesar daripada perutusan para rasul dan tauhid inilah yang telah menyebabkan pertembungan di antara para rasul dengan umat di mana mereka diutuskan. Disebabkan tauhid ini juga Allah menjadikan jin dan manusia, mewujudkan syurga dan neraka serta membahagikan manusia kepada golongan yang berjaya dan golongan yang sengsara.

⁸ Dr. Yusuf al Qardhawi. *Awlawiyat al Harakah al Islamiyah fi al Marhalah al Qadimah*. 1992. Maktabah Wahbah. Kaherah. Cet. 4.: 73-74.

⁹ Al Askolani, al Imam al Hafiz Ahmad Ibn Hajar. *Fathu al Bari bi Syarhi Sohih al Bukhari*. 1986. Dar al Rayyan Li al Turath. Jil. 1. Cet. 1. Kaherah: 98.

Maksudnya:

”Dan itulah syurga yang Kami wariskan kepada kamu disebabkan apa yang telah kamu amalkan ketika hidup di dunia.”

(al Quran; al Zukhruf: 72)

Berdasarkan perkara di atas, iman selain sebagai suatu keyakinan yang menggerakkan seseorang untuk melakukan amalan-amalan baik yang selari dengan keyakinan yang ada dalam dirinya, ia juga dikira sebagai amal berdasarkan kepada banyak tafsiran yang merujuknya sebagai amal. Bahkan terdapat sesetengah sarjana yang memasukkan ia dalam kategori akhlak seperti Dr. Muhammad Abdullah Darraz¹⁰. Oleh kerana itu, dalam kajian ini, penulis mengutarakan istilah *akhlak imani*, dengan merujuk kepada akhlak yang bertitik-tolak daripada keimanan yang benar itu sendiri. Istilah ini secara tidak langsung mengasingkan akhlak-akhlak yang lahir selain daripada tolakan iman seperti persekitaran, fitrah dan sebagainya.

3.0 KEPERLUAN KEPADA AKHLAK IMANI

Secara umumnya, manusia tidak boleh sekadar bersandar kepada perkara-perkara selain keimanan dalam pembentukan akhlak kerana tanpa keimanan mereka masih lagi terdedah kepada sebab-sebab yang merosakkan mereka. Ia berikutan di dalam diri manusia itu terdapat tabiat keinsanan dalam bentuk potensi untuk melakukan kebaikan dan keburukan yang sentiasa bertembung¹¹ sepertimana disebutkan Allah di dalam al Quran sebagai ilham ketaqwaan dan fujur¹². Firman Allah:

ونفس وما سواها . فآلهمها فجورها وتقواها . قد أفلح من زكاها وقد خاب من دساها

Maksudnya: “Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaan. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.”

¹⁰ Dr. Muhammad Abdullah Darraz. *Dustur al Akhlak Fi al Quran*. 1998. Mu’assasah al Risalah. Beirut. Cet. 10: 763.

¹¹ Ayat lain yang berkaitan sila rujuk al Quran, Surah al Nazi’at, ayat 37-41.

¹² Roja Abdul Hamid Arabi. *al Kaun wa al Ard wa al Insan fi al Quran*. 1994. Dar al Khair. Beirut. Cet. 1.: 240.

Sebagai contohnya, sekiranya manusia hanya bergantung kepada persekitaran atau pun fitrah dirinya dalam membangunkan akhlak dan dalam masa yang sama melupakan tanggungjawab menyucikan jiwanya lambat laun potensi melakukan *fujur* itu menjadi semakin berkembang manakala potensi taqwa semakin jauh daripada jangkauan. Dalam keadaan ini *dafi'* roh yang mendorong ke arah kehidupan beragama semakin lemah manakala *dafi'* ke arah kebendaan semakin menguasai manusia. Sekiranya berterusan, mereka boleh terseleweng daripada landasan kehidupan yang sepatutnya dan seterusnya terdedah kepada *sunnah al Iqab* atau *sunnah al Istidraj*. Dalam hal ini, al Buthi menyatakan penyucian jiwa ini merupakan syarat asasi bagi manusia melaksanakan tanggungjawab pembina tamadun, tanpanya manusia akan menjadi alat perosak kepada tamadun itu sendiri¹³.

Perkara seperti di atas ini boleh terjadi terutama sekali apabila manusia itu berada pada peringkat kemajuan kebendaan yang tinggi. Berkenaan bahaya pada peringkat ini, Ahmad Bahjat dalam tulisannya berkenaan pertembungan antara penguasa dan Rasul yang diutuskan Allah menyatakan bahawa tempat yang dipenuhi dengan kekayaan, kemewahan dan kekuasaan melahirkan sifat-sifat buruk seperti keinginan mengekalkan kepentingan peribadi walaupun bercanggah dengan kepentingan umum, penyakit takabbur dan sebagainya¹⁴. Berkenaan pengaruh kebendaan ini, Dr. Abdul Mun'im Majid menyatakan pengalaman sejarah menunjukkan tamadun yang bermula daripada kekuatan roh hilang akhirnya tetapi kehilangan ini berlaku di saat ia berubah menjadi tamadun kebendaan. Kemudian apabila ia kembali kepada asas roh ia kembali semula¹⁵. Disebabkan itu, terdapat banyak nas memperingatkan manusia agar tidak melampaui batasan yang sepatutnya dalam berinteraksi dengan fitrah ini antaranya Allah mengingatkan manusia agar tidak terpedaya dengan nikmat dunia berbanding nikmat akhirat¹⁶, penjelasan sikap yang perlu diambil oleh manusia berhubung perkara

¹³ Dr. Muhammad Said Ramadhan al Buthi. *Minhaj al Hadharah al Insaniyah fi al Quran*. 1998. Dar al fikri. Damsyik. Syria. cet. 2: 24.

¹⁴ Ahmad Bahjat. *Anbiya' Allah*. 1995. Dar al Syuruq. Cet. 12.. Kaherah. : 63.

¹⁵ Dr. Abdul Mun'im Majid. *Tarikh al Hadharah al Islamiyyah Fi al Usur al Wusto*. 1978. Maktabah al Angelo al Masriyyah. Kaherah. Cet: 4: 289.

¹⁶ Surah al Nisa', ayat 77 dan Surah ali Imran, ayat 185

berkaitan dunia¹⁷, janji kebaikan di dunia dan akhirat kepada mereka yang melakukan kebaikan di dunia¹⁸ dan sebagainya.

Oleh kerana itu, penjelasan di atas menunjukkan pentingnya *akhlak imani* dalam diri manusia. Inilah perkara yang menjadi fokus dalam penurunan al Quran di peringkat Makkah dan Madinah sepertimana disebutkan oleh Muhammad Qutb seperti berikut:

“Sebelum ini (di Makkah), bentuk akidah dan *tarbiah* yang dilalui orang beriman adalah dalam bentuk menahan diri daripada kesakitan akibat tindakan jahat orang *jahiliyah* terhadap orang beriman dan mereka telah berjaya melaluinya dengan jayanya. Pada hari ini (Madinah), bentuk aqidah dan *tarbiah* yang mereka lalui adalah dalam bentuk mempertahankan aqidah daripada musuh pula (peringkat melawan). Kedua-dua fenomena ini mempunyai perkara yang bersamaan yang cuba dibangkitkan dalam diri manusia iaitu persoalan bahawa hidup dan mati adalah di tangan Allah, manfaat dan mudharat di tangan Allah. Tiada siapa yang dapat menahan kekuasaan Allah ini. Begitu juga ia turut membawa manusia kepada persoalan bahawa akhirat merupakan kehidupan yang hakiki yang digesa kepadanya manakala nikmat dunia hanya sedikit berbanding akhirat. Ia menunjukkan bahawa kedua-dua fenomena ini bertitik-tolak daripada asas yang sama. Walaupun begitu, ia tetap memerlukan kepada latihan baru disebabkan walaupun ada persamaan tetapi ia tetap ada perbezaan dalam bentuknya yang memerlukan kepada latihan kepadanya”¹⁹.

4.0. KONSEP AYAT *MAKKI* DAN *MADANI*

Terdapat beberapa pandangan berkenaan pembahagian *Makki* dan *Madani*, walaupun begitu pendapat paling utama adalah pendapat yang menisbarkannya kepada 2 fasa masa yang berbeza. Iaitu ayat-ayat *Makki* dikategorikan dalam kelompok ayat-ayat yang turun bermula daripada turunnya ayat pertama sehinggalah berlakunya peristiwa hijrah. Oleh kerana itu, ayat-ayat yang turun di luar Makkah pada

¹⁷ Surah Luqman, ayat 33 dan Surah al Qasas, ayat 77

¹⁸ Surah al Nahl ayat 41 dan 122.

¹⁹ Muhammad Qutb. *Manhaj al Tarbiah al Islamiah*. 2001. Cet. 15. Dar al Syuruq. Kaherah.

fasa ini seperti yang turun di Thaif dan sebagainya turut dikira sebagai ayat *Makki*. Manakala ayat-ayat *Madani* pula dikategorikan dalam kelompok ayat-ayat yang turun bermula daripada selepas peristiwa hijrah sehinggalah ayat terakhir yang diturunkan kepada baginda. Berhubung perkara ini, ayat-ayat yang turun di luar Madinah pada fasa ini juga termasuk dalam kategori Madaniah. Antaranya seperti ayat yang turun di Hudhaibiah, Uhud dan sebagainya²⁰.

Pembahagian seperti di atas ini adalah pembahagian yang diberikan oleh para ulama yang menganalisis penurunan al Quran itu sendiri. Pembahagian ini penting terutama sekali untuk mengenal pasti persoalan ayat-ayat *nasikh* dan *mansukh* yang perlu diketahui dalam proses *istinbat* hukum daripada al Quran. Walaupun begitu, dalam konteks kajian ini, penulis mendapati bahawa menerusi penelitian terhadap pembahagian ini turut memberikan panduan berkenaan strategi dalam membangunkan akhlak manusia. Antaranya boleh dilihat menerusi ciri-ciri *Makki* dan *Madani* ini iaitu antaranya ia dibezakan dengan khitab yang berbeza iaitu *Makki* kebiasaannya didahulukan dengan khitab يا ايها الناس, manakala *Madani*, kebiasaannya didahulukan dengan khitab يا ايها الذين امنوا. Begitu juga dari sudut kandungan, iaitu ayat-ayat *Makki* lebih memfokuskan persoalan aqidah dan didatangkan dalam bentuk ayat-ayat ringkas dan mengajak manusia untuk berfikir, manakala ayat-ayat *Madani* pula dipenuhi dengan banyak ayat-ayat hukum dan didatangkan dalam bentuk ayat yang agak panjang²¹. Justeru, ciri-ciri ini boleh dilihat sebagai panduan yang ditunjukkan Allah, bahawa al Quran sedang berhadapan dengan dua jenis manusia yang terbentuk hasil daripada interaksi mereka dengan al Quran. Dalam erti kata lain, terdapat perubahan di kalangan manusia yang berhadapan dengan al Quran sepanjang perjalanan penurunan al Quran ini sehingga menuntut kepada pendekatan yang berbeza dalam berinteraksi dengan mereka.

5.0. PERSEDIAAN DAN STRATEGI PEMBINAAN AKHLAK BERDASARKAN AYAT-AYAT *MAKKI* DAN *MADANI*

²⁰ Dr. Muhammad Ibrahim al Hafnawi. *Dirasat Fi al Quran al Karim*. T.th. Dar al Hadith. Kaherah: 459-461.

²¹ Ibid: 465-468.

Sejarah menunjukkan bahawa Rasulullah membangunkan manusia berdasarkan panduan wahyu yang dibekalkan kepada baginda. Antara lain, wahyu memandu Rasulullah dengan panduan-panduan yang berkenaan sejak peringkat *Makki*. Ia secara tidak langsung memberikan gambaran kepada baginda berkenaan persediaan dan gerakerja yang selari dengan cabaran yang telah ditentukan Allah dalam pembinaan diri manusia. Menerusi panduan ini, Rasulullah berkeupayaan untuk memberikan tindakan pro-aktif terhadap segala cabaran yang bakal dilalui.

Contoh yang menunjukkan betapa Rasulullah mengambil iktibar daripada panduan-panduan wahyu dalam membangunkan manusia antara lainnya boleh dilihat menerusi nasihat baginda kepada sahabat seperti Khabab yang menghadapi ujian berat kerana mempertahankan agama Allah pada peringkat awal perjalanan dakwah. Antara azab dihadapi adalah beliau disiksa dengan batu panas pada badannya sebanyak tujuh kali²². Oleh kerana itu beliau mengadu disebabkan banyaknya kesukaran yang dihadapi. Walaupun begitu, Rasulullah mengingatkan beliau bahawa proses persediaan bagi mencapai kejayaan masih belum sempurna, oleh kerana itu ujian masih terus dilalui oleh orang-orang beriman. Seterusnya selepas Rasulullah menenangkan beliau dengan membandingkan ujian lebih berat yang dihadapi umat terdahulu berbanding yang dihadapi beliau, baginda menjelaskan pula hasil daripada kesabaran, iaitu kukuhnya kedudukan Islam²³.

Sehubungan dengan itu, penulis melihat bahawa gerakerja pembinaan manusia yang dilakukan Rasulullah merupakan gerakerja yang berasaskan panduan al Quran bermula sejak permulaan dakwah itu sendiri. Oleh kerana itu, apabila Rasulullah dan sahabat ditimpa tekanan dan cabaran dalam dakwah, baginda tidak melatah atau berundur, sebaliknya meneruskan usaha dengan lebih giat sambil menjelaskan kepada sahabat berkenaan tabiat perjalanan dakwah yang pasti menghadapi cabaran. Di bawah dikemukakan beberapa petunjuk yang menunjukkan bagaimana wahyu yang turun secara

²² Hadith riwayat Bukhari, no: 6430. (Al Askolani, al Imam al Hafiz Ahmad Ibn Hajar. *Fathu al Bari bi Syarhi Sohih al Bukhari*. 1986. Jil. 11: 248)

²³ Soleh Ahmad al Syami. *Al Sirah al Nabawiyah: Tarbiyyah al Ummah Wa Bina'u Daulah*. 1992. Cet. 1. Al Maktab al Islami. Beirut: 51-52.

berperingkat-peringkat merangkumi fasa *Makki* dan *Madani*, memandu Rasulullah dan umat Islam secara khususnya kepada strategi pembinaan *akhlaq imani*:

5.1. NAS-NAS *MAKKI* DAN *MADANI* MEMBERI PETUNJUK KEPADA TABIAT PERJALANAN DAKWAH

5.1.2. NAS-NAS AL QURAN PERINGKAT *MAKKI*

Antara contoh panduan menerusi nas-nas al Quran pada peringkat *Makki* kepada Rasulullah ialah dalam bentuk gambaran umum tentang tabiat perjalanan dakwah dan *tarbiah* yang bakal dilalui baginda. Antaranya seperti dalam Surah al Muddathir yang telah memberikan isyarat tentang *sunnah al Ibtala'* (ujian Allah) dalam bentuk kesukaran yang bakal dilalui Rasulullah. Isyarat kesukaran ini jelas sejak permulaan surah ini sendiri menerusi ayat yang datang dengan mesej menarik Rasulullah daripada terus tidur dan berselimut kepada melaksanakan jihad dan bersedia menghadapi perjalanan yang sukar. Menurut al Mubarakfuri bahawa ayat (ولربك فاصبر) yang merupakan ayat terakhir dalam penurunan peringkat pertama bagi surah ini memberi isyarat berkenaan apa yang bakal dihadapi Nabi daripada kejahatan pihak penentang dalam pelbagai bentuk seperti penentangan, pendustaan, sehingga kepada peringkat percubaan membunuh baginda dan para sahabat.²⁴ Perkara yang sama juga dapat ditemui menerusi surah al Muzzammil yang disebutkan Said Qutb sebagai berkemungkinan turun pada waktu yang sama dengan beberapa ayat awal Surah al Muddathir di atas berdasarkan kepada kedua-dua surah ini berakhir dengan gesaan bersabar pada peringkat penurunannya yang pertama. Surah ini juga mengandungi penjelasan wahyu buat kali pertama dalam bentuk isyarat berkenaan kisah dan pendirian golongan pendusta terdahulu terhadap rasul yang diturunkan oleh Allah²⁵. Berhubung kisah ini, Darwazah menyatakan bahawa al Quran menunjukkan bahawa peranan Rasulullah diumpamakan seperti peranan Nabi Musa yang berhadapan dengan Firaun dalam keadaan penuh kesukaran²⁶.

²⁴ Sofi al Rahman al Mubarakfuri. *Al Rahiq al Makhtum*. 1991. Dar al Wafa' Mansurah, Mesir: 83-85

²⁵ Kisah Musa vs Firaun didatangkan dalam surah ini dengan *uslub* yang menunjukkan seolah-olah ia adalah kisah yang tidak asing lagi bagi masyarakat manusia ketika itu (di situ). Menurut Darwazah, ini adalah disebabkan kawasan yang diduduki Nabi ketika itu (Hijaz) juga diduduki pada ketika itu golongan ahli kitab yang telah mengetahui kisah Musa vs Firaun dalam kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka sebelum itu. (Muhammad Azzah Darwazah. *Al Tafsir al Hadith: Tartib al Suar Hasba al Nuzul*. 2000. Dar al Gharbi al Islami. Beirut. Cet. 2. Jil: 1: 422)

²⁶ Muhammad Azzah Darwazah. *Al Tafsir al Hadith: Tartib al Suar Hasba al Nuzul*. 2000. Jil. 1. 405-422.

Selain daripada penjelasan di atas, surah-surah ini juga diturunkan dalam keadaan penuh dengan mesej *tarbiah*. Sebagai contohnya berkenaan surah al Muddathir, al Mubarakfuri menyatakan bahawa pandangan terhadap keseluruhan ayat dalam surah ini yang turun pada peringkat pertama menunjukkan bahawa ia mengandungi nilai *tarbiah* yang luas. Antaranya ialah penjelasan tentang persoalan tauhid, keimanan kepada hari akhirat, gesaan melaksanakan *tazkiyah al nafs* dan menyerahkan urusan kepada Allah selepas beriman kepada Rasulullah²⁷. Manakala mesej *tarbiah* dalam Surah al Muzzammil pula sepertimana disebutkan oleh Darwazah dalam ulasannya berkenaan penurunan peringkat pertama surah ini adalah ia mengandungi dakwah kali pertama daripada al Quran kepada menjadikan Allah sebagai satu-satunya tempat dihadapkan diri manusia, sebagai pemimpin dan tempat bergantung serta membebaskan diri daripada sebarang penguasaan dan ketundukan selain daripada Allah. Ia secara tidak langsung menjadi suatu sandaran yang kukuh kepada Nabi dalam memperkuatkan persediaannya dalam menggagas amanah yang besar ini, selain amalan *qiamullail* yang digesa dalam ayat terdahulu²⁸.

Surah-surah *Makkiah* yang turun selepas itu juga kebanyakannya tidak sunyi daripada bentuk seperti di atas. Antara yang ketara seperti Surah al Syu'ara' yang turut didatangkan kisah-kisah pertembungan para Rasul terdahulu dengan kaum mereka meliputi fasa-fasa pertembungan tersebut²⁹. Berhubung perkara ini, Al Mubarkafuri menyatakan bahawa perincian ini didatangkan ketika Allah mengarahkan Rasulullah untuk berdakwah kepada kaum baginda, agar baginda dan sahabat mempunyai gambaran berkenaan apa yang bakal mereka hadapi apabila berdakwah secara terang-terangan. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan mereka mempunyai panduan yang jelas berkenaan urusan yang mereka laksanakan sejak daripada awal lagi³⁰. Di samping terdapat juga nas-nas yang didatangkan dalam bentuk isyarat terhadap peristiwa yang bakal berlaku dan pendekatan yang sepatutnya dilakukan bagi menghadapinya seperti yang telah berlaku pada masa silam.

²⁷ Sofi al Rahman al Mubarakfuri. *Al Rahiq al Makhtum*. 1991: 83-85.

²⁸ Muhammad Azzah Darwazah. *Al Tafsir al Hadith: Tartib al Suar Hasba al Nuzul*. 2000.: 408-409.

²⁹ Antara ciri-ciri ayat-ayat *Makkiah* adalah ayat-ayat kisah yang telah berlaku pada zaman silam.

³⁰ Sofi al Rahman al Mubarakfuri. *Al Rahiq al Makhtum*. 1991: 91-92.

Antaranya menerusi penurunan Surah al Kahfi yang memberi isyarat berkenaan peristiwa hijrah yang bakal dilalui baginda dan sahabat menerusi kisah *ashabul kahfi*. Surah ini turun ketika tekanan semakin memuncak terhadap umat Islam yang telah berlangsung sejak pertengahan tahun keempat selepas perutusan baginda³¹. Selepas daripada itu, turun pula surah al Zumar³² yang memberi isyarat yang lebih jelas berkenaan hijrah. Lantaran itu, pada Rejab, tahun ke 5 selepas *Nubuwwah*, dilancarkan hijrah kelompok pertama ke Habsyah. Begitu juga Surah al Naml yang antara lainnya memberikan isyarat berkenaan konspirasi yang dilakukan oleh kafir Quraisy terhadap baginda³³, Surah al Isra' yang memberi isyarat berkenaan peristiwa yang bakal berlaku iaitu perpindahan kepimpinan umat daripada bani Israel kepada umat Islam yang bertitik-tolak daripada masyarakat Arab pada zaman Rasulullah³⁴ dan sebagainya.

Perkara di atas secara tidak langsung menunjukkan bahawa nas-nas yang diturunkan pada peringkat awal *Nubuwwah* telah memberikan gambaran berkenaan cabaran yang bakal dihadapi. Di samping itu, ia turut disertai dengan penjelasan berkenaan bekalan-bekalan dan bentuk-bentuk *tarbiah* yang diperlukan bagi menghadapi cabaran tersebut serta akhlak yang diperlukan seperti sabar, tabah dan sebagainya. Dari sudut *ibrah* (pengajaran) yang boleh diambil daripadanya ialah ia menunjukkan bahawa *tarbiah* dalam bentuk tertentu sepertimana yang ditunjukkan menerusi wahyu ini perlu dilaksanakan bagi menyediakan para sahabat bagi menghadapi cabaran tersebut. Ia juga menunjukkan bahawa sabar dan tabah merupakan antara akhlak yang disasarkan dalam *tarbiah* ini.

Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa *tarbiah* pembinaan diri para sahabat yang dijalankan Rasulullah selepas daripada itu adalah bertitik-tolak daripada nas-nas yang diturunkan pada peringkat awal *nubuwwah*. Manakala dari sudut *tarbiah* pula, pengetahuan tentang tabiat perjalanan dakwah adalah merupakan perkara yang dapat membantu para sahabat dalam menyediakan minda dan jiwa bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam proses perubahan diri daripada jahiliah kepada Islam. Ia

³¹ Ibid: 108.

³² Rujuk al Quran: 39: 10.

³³ Sofi al Rahman al Mubarakfuri. *Al Rahiq al Makhtum*. 1991: 118.

³⁴ Ibid: 167.

secara umumnya menjadi sebagai *dafi'* (penolak) yang menolak mereka kepada lebih memperkukuhkan diri sehingga mampu menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa pendekatan dakwah dan *tarbiah* yang dilaksanakan Rasulullah dipandu oleh Allah menerusi wahyu bermula pada peringkat awal lagi. Ia secara tidak langsung membantu Rasulullah dalam membina strategi membangunkan akhlak manusia dalam keseluruhan perjalanan dakwah baginda.

5.1.3. NAS-NAS AL QURAN PERINGKAT *MADANI*

Nas-nas pada peringkat ini juga sarat dengan nas-nas berbentuk penjelasan tentang tabiat perjalanan dakwah yang bakal dilalui dalam perjuangan yang dilalui Rasulullah untuk peringkat yang keseterusnya. Pada peringkat ini, sejak awal lagi Allah telah menurunkan nas yang menjelaskan tentang tabiat perjalanan dakwah yang bakal dilalui oleh Rasulullah dan para sahabat. Antaranya firman Allah:

لَتَبْلُونَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعْنَ مِنَ الَّذِينَ آتَوْا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ
مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Maksudnya:

“Kamu sungguh-sungguh akan diuji terhadap hartamu dan dirimu. Dan (juga) kamu sungguh-sungguh akan mendengar dari orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan dari orang-orang yang mempersekutukan Allah, gangguan yang banyak yang menyakitkan hati. Jika kamu bersabar dan bertaqwa, maka sesungguhnya yang demikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan.”

(al Quran; Surah Ali Imran: 186)

Ibnu Kathir menyatakan bahawa nas di atas ditujukan kepada orang-orang beriman ketika baru sampai ke Madinah sebelum daripada peristiwa Badar untuk menenangkan mereka daripada kejahatan golongan ahli kitab dan musyrikin terhadap mereka. Mereka juga disuruh agar bersabar dan

memberikan kemaafan sehinggalah Allah memberikan jalan keluar daripada segala kesusahan tersebut³⁵.

Realiti yang berlaku selepas itu adalah kesukaran yang semakin berat dihadapi Rasulullah dan para sahabat terutama sekali pada pertengahan hinggalah penghujung peringkat Madinah dengan peristiwa-peristiwa yang kebanyakannya dalam bentuk peperangan seperti Khandak, Muktah, Tabuk, Hunain dan sebagainya. Walaupun begitu, peristiwa perjanjian Hudaibiah yang berlaku pada tahun ke 6 hijrah menjadi petunjuk bahawa umat Islam telah mula memasuki fasa menuai hasil kesukaran yang ditemphi selama ini. Ia merujuk kepada peningkatan kualiti keimanan para sahabat yang terserlah menerusi keperibadian dan akhlak pada peristiwa perjanjian Hudaibiah dan seterusnya. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Said Qutb dalam tafsirnya terhadap surah al Fath³⁶ yang menyatakan bahawa kandungan surah ini menggambarkan bahawa kita sedang berhadapan dengan jamaah yang telah jelas berkenaan persoalan aqidah. Beliau menyatakan mereka ini merupakan golongan yang terserlah ketinggian keimanan dan mampu menerima taklifan agama dengan hati yang rela. Mereka bukan lagi golongan yang memerlukan kepada motivasi dari luar untuk menggerakkan mereka melaksanakan *taklif* agama. Bahkan apa yang berlaku ialah mereka memerlukan pula kepada motivasi untuk mengurangkan semangat mereka selari dengan apa yang diinginkan oleh Rasulullah sebagai pemimpin mereka. Beliau menyatakan bahawa nas-nas dalam surah al Fath ada di antaranya dalam bentuk untuk mengawal semangat jihad sahabat daripada terkeluar daripada sempadan yang sepatutnya³⁷. Inilah yang disebutkan oleh al Syami bahawa pendirian para sahabat yang berbeza dengan Rasulullah berhubung perjanjian Hudabiah berkemungkinan disebabkan keinginan berjihad yang tinggi hasil daripada *tarbiyah* yang telah dilalui sebelum ini³⁸.

³⁵ Ibnu Kathir, al hafiz Imad al Din Abi al Fida' Ismail. *Tafsir al Quran al Karim*. 1991. Dar al Khair. Beirut. Cet. 2. Jil. 1: 471.

³⁶ Surah ini menjelaskan berkenaan peristiwa berkaitan perjanjian Hudaibiah.

³⁷ Soleh Ahmad al Syami. *Al Sirah al Nabawiyah: Tarbiyyah al Ummah Wa Bina'u Daulah*. 1992: 297-298.

³⁸ Ibid: 298.

Said Qutb juga telah membandingkan antara surah Muhammad³⁹ dan surah al Fath bagi menunjukkan perbezaan perubahan keperibadian sahabat kepada lebih hebat selepas beberapa lama dengan menyatakan: “Dengan membandingkan kandungan dua surah ini akan menunjukkan perubahan yang ketara terhadap pendirian golongan beriman dalam masa lebih kurang 3 tahun berdasarkan perbezaan masa penurunan dua surah ini. Ia menunjukkan betapa besarnya kesan al Quran dan juga *tarbiah* terhadap kelompok ini”⁴⁰. Antara lain perbezaan yang boleh dilihat ialah kandungan Surah Muhammad masih dalam lingkungan gesaan berjihad⁴¹, penjelasan tentang kanun untuk mendapat bantuan Allah⁴², motivasi agar tidak lemah dalam berhadapan musuh Allah⁴³ dan sebagainya. Manakala surah al Fath pula menjelaskan tentang pembukaan yang telah diberikan Allah kepada golongan beriman di samping penjelasan tentang bantuan yang telah diberikan Allah serta pujian terhadap orang beriman. Ia jelas menunjukkan perbezaan ciri manusia yang *dikhitabkan* walaupun ia merupakan manusia yang sama cuma masa sahaja yang berbeza.

Seterusnya selepas peristiwa Hudaibiah ini, cabaran-cabaran yang lebih besar berlaku tetapi berjaya dihadapi oleh umat Islam dengan jayanya bahkan setiap cabaran yang dihadapi itu menjadi *madrrasah tarbiah* kepada sahabat dengan memperolehi pengajaran-pengajaran baru dan membina akhlak yang lebih mantap. Antara cabaran tersebut adalah perang Mu'tah yang menemukan 3000 tentera Islam dengan 200,000 tentera musuh. Seterusnya perang Tabuk yang turut digelar tenteranya sebagai *jaisy al usrah* (tentera yang menempoh kesukaran). Dalam peperangan ini, Rasulullah meminta sahabat memberikan sumbangan disebabkan ia memerlukan perbelanjaan besar berikutan perjalanan yang jauh dan mengambil masa yang lama. Ia merupakan perang yang pertama kali dipimpin Rasulullah bagi menghadapi Rom pada ketika baginda berumur 61 tahun⁴⁴. Seterusnya Hunain yang merupakan peperangan yang buat pertama kalinya tentera Islam lebih ramai daripada musuh. Tetapi Allah telah

³⁹ Ia juga dikenali sebagai surah al Qital.

⁴⁰ Said Qutub. *Fi Zilal al Quran*. 1992. Dar al Syuruq. Kaherah. Jil. 6. Cet. 17: 3314-3315.

⁴¹ Rujuk al Quran, Surah Muhammad, ayat 4

⁴² Rujuk al Quran, Surah Muhammad, ayat 7

⁴³ Rujuk al Quran, Surah Muhammad, ayat 35

⁴⁴ Dr. Ali Muhammad Muhammad al Sollabiy. *Al Sirah al Nabawiyah. Irdhun Waqa'i' Wa Tahlil Ahdath*. 2003. Cet. 12. Dar al Tauzi' wal Nashr. Jil. 2: 303.

mengajar umat Islam dalam peperangan ini dengan kekalahan pada peringkat awal dan kemenangan akhirnya kembali selepas itu dengan bilangan sedikit yang mampu bertahan termasuk Rasulullah.

Kesemua ujian yang ditemphi umat Islam pada peringkat akhir ini diiringi dengan pengajaran daripada wahyu yang antara lainnya dalam bentuk membangunkan akhlak sahabat kepada akhlak yang sesuai sebagai pembina tamadun. Dalam masa yang sama, *al Ibtala'* yang lebih berat dihadapi ini juga menunjukkan bahawa keimanan umat Islam telah mencapai peringkat yang tinggi sehingga mampu menggalas amanah yang lebih besar dalam kehidupan. Disebabkan itu, pada peringkat akhir ini (selepas perjanjian Hudaibiah) banyak perkara berkaitan urusan kenegaraan dibangunkan Rasulullah seperti hubungan antarabangsa, pengukuhan ekonomi, perundangan, pentadbiran politik dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga sahabat mampu berinteraksi dengan perkara-perkara ini mengikut acuan yang sepatutnya. Ia secara tidak langsung menunjukkan telah berlaku keselarian antara pencapaian kejayaan dan akhlak keperibadian manusia pada ketika itu.

5.2. NAS-NAS AL QURAN PERINGKAT *MAKKI* DAN *MADANI* MENJELASKAN PENDEKATAN-PENDEKATAN *TARBIAH*

Secara umumnya nas-nas berkenaan sunnah Allah banyak didatangkan dalam bentuk kisah-kisah yang terbuka untuk *ditadabbur*. Ini adalah disebabkan kisah-kisah ini sebagai pembuktian kepada kewujudan sunnah Allah itu sendiri⁴⁵. Ia sebagai salah satu pendekatan al Quran dalam menyampaikan mesejnya kepada manusia sehingga membawa kepada peringkat *iqna'*⁴⁶. Walaupun begitu, terdapat perbezaan gaya penyampaiannya antara peringkat Makkah dan Madinah. Iaitu didapati surah-surah *Makki* mengenengahkan kisah-kisah dalam bentuk peristiwa, cerita, penjelasan berkenaan individu tertentu dan diulang-ulang dengan *sighah* dan *uslub* yang pelbagai. Manakala surah *Madani* mengenengahkan cerita dalam bentuk isyarat-isyarat berbentuk peringatan yang

⁴⁵ al Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. *Manahilu al urfan fi ulum al Quran*. Dar al kutub al Ilmiah. Beirut, Lubnan. Cet. 1. 1988. Jil. 1: 206

⁴⁶ Keyakinan yang menghadirkan rasa redha yang tidak dapat diganggu-gugat sehingga melahirkan tindakan selari dengan apa yang diredha dan diterima tersebut secara rela dan bukan paksaan. (Abdul Halim al Jundi. *Al Quran wa minhaj al ilmi al Mu'asir*. Dar al Ma'arif. 1984. kahaerah: 34-36. Rujuk juga Salim Ibnu Said Ibnu Masfar Ibnu Jabbar. *Al Iqna' Fi al Tarbiyah al Islamiyah*. 2001. Dar al Andalus al Khadra'. Cet. 2.. Jeddah, Arab Saudi: 30)

ringkas. Hikmah kepada perbezaan ini adalah merujuk kepada perbezaan fokus dakwah pada dua tempat ini⁴⁷.

Penjelasan di atas menunjukkan bagaimana nas-nas pada dua peringkat penurunan ini yang kebanyakannya dalam bentuk kisah-kisah, membantu Rasulullah merangka *tarbiah* pada peringkat Makkah dan Madinah. Iaitu pada peringkat Makkah pendekatan *tarbiah* banyak menekankan aspek menggempur pemikiran dan membawanya kepada aqidah dengan pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh nas yang berkaitan seperti kaedah debat, hujah, penyampaian ilmu dan sebagainya. Ia disebabkan Rasulullah terpaksa berhadapan dengan manusia yang telah tertanam pemikiran jahiliah sejak sekian lama. Perkara ini tergambar menerusi penjelasan ahli sejarah berkenaan suasana di Makkah pada ketika perutusan Rasulullah yang secara umumnya adalah suasana yang menggambarkan penguasaan penyembahan keberhalaan yang melampau. Ia digambarkan begitu disebabkan sebelum itu ia merupakan tempat yang pernah dipenuhi dengan ajaran *Hanifiah* yang dibawa oleh Nabi Ibrahim, tetapi pada ketika itu ia menjadi malap walaupun telah bertapak lebih kurang 2000 tahun sebelum kelahiran Isa al Masih dan kemudian diambil alih oleh penyembahan berhala. Malahan pada zaman Rasulullah itu sahaja terdapat sebanyak 360 berhala sekitar kaabah⁴⁸.

Manakala peringkat Madinah pula *tarbiah* yang berjalan lebih dalam bentuk penghayatan terhadap asas yang telah dibina di peringkat Makkah. Oleh kerana itu, nas-nas al Quran yang berkenaan didatangkan dalam bentuk isyarat yang menggambarkan ia sebagai suatu yang sudah difahami oleh para sahabat pada ketika itu. Berdasarkan kepada realiti ini, maka terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa *tarbiah* pada peringkat Madinah adalah dalam 3 aspek iaitu *tarbiah* menerusi peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang peringkat Madinah, *tarbiah* hati dan *tarbiah* akhlak⁴⁹. Ketiga-tiga

⁴⁷ Muhammad Azzah Darwazah. *Al Tafsir al Hadith: Tartib al Suar Hasba al Nuzul*. 2000. Jil 1: 397.

⁴⁸ Aziz al Sayyid Jasim. *Muhammad al Haqiqah al Uzma*. 1987. Dar al Andalus. Beirut. Cet. 1.: 383.

⁴⁹ Berhubung tiga aspek *tarbiah* ini iaitu pertama, *tarbiah* dengan peristiwa bermaksud setiap peristiwa yang dilalui pada peringkat ini adalah merupakan *tarbiah* sepertimana telah disentuh sebelum ini. Manakala *tarbiah* hati pula adalah merujuk kepada keperluan semasa. Contohnya penghayatan nilai *ithar* iaitu melebihkan sahabat daripada diri sendiri sepertimana yang ditunjukkan oleh golongan Ansar terhadap golongan muhajirin dalam peristiwa hijrah, pembinaan nilai ikhlas dalam berjihad sebagai gantian kepada berperang kerana bangsa, *riya'* dan sebagainya. Terakhirnya ialah *tarbiah* akhlak yang bertitik-tolak daripada dalam jiwa sepertimana telah dijelaskan. Antara akhlak-akhlak yang dibangunkan pada ketika itu seperti keberanian, kemuliaan, menepati janji yang dilakukan dengan celupan Islam itu

aspek ini dilihat sebagai petunjuk kepada tahap *tarbiah* yang telah menjangkau tahap menggempur pemikiran yang sebelum ini menjadi fokus utama di Makkah. Selain daripada itu, nas-nas pada peringkat Madinah banyak datang dalam bentuk pengajaran, pembetulan, peringatan dan sebagainya selepas daripada berlakunya sesuatu peristiwa. Contoh tentang perkara ini boleh dilihat antara lainnya menerusi nas-nas yang turun selepas sesuatu peristiwa seperti peristiwa Badar, Uhud, Hudaibiah, *al Ifki* dan sebagainya.

Salah satu contoh yang boleh dikemukakan di sini adalah menerusi peristiwa peperangan Badar. Secara umumnya, perang ini merupakan suatu perencanaan daripada Allah bagi menguji keimanan para sahabat. Ia menunjukkan ujian didatangkan setimpal dengan tahap keimanan seseorang. Antara pengajaran daripada peperangan ini adalah peneguhan keyakinan umat Islam berkenaan kemenangan daripada Allah. Ia berikutan dalam peperangan yang tidak dijangka ini, Allah telah memenangkan umat Islam yang berada dalam keadaan lemah dan serba kekurangan, terhadap tentera yang bersedia, lengkap dan jauh lebih ramai. Firman Allah:

⁵⁰ *ولقد نصركم الله ببدر وانتم اذلة فاتقوا الله لعلكم تشكرون*

Maksudnya:

“Sungguh Allah telah menolong kamu dalam peperangan Badar, padahal kamu adalah (ketika itu) orang-orang yang lemah. Kerana itu bertaqwalah kepada Allah, supaya kamu mensyukurinya”

(al Quran; Ali Imran: 123)

Selain nas di atas, al Quran banyak memimpin umat Islam dalam membina akhlak sahabat menerusi pengajaran-pengajaran yang dikutip menerusi peperangan ini. Antaranya Allah telah menurunkan nas yang menanamkan dalam diri umat Islam bahawa kemenangan hakikatnya adalah daripada Allah.

sendiri iaitu bertitik-tolak daripada keimanan. (Al Ustaz Doktor Muhammad Amhazun. *Manhaj al Nabi fi al Da'wah Min Khilal al Sirah al Sohahah*. 2003. Dar al Salam. Cet. 3. Kaherah: 201-241)

⁵⁰ Ayat di atas mengajar orang beriman untuk bergantung kepada Allah semata-mata serta menjelaskan bahawa kelebihan dan kemenangan kepada orang beriman adalah menerusi pemberian daripada Allah. Walaupun yang demikian, sebab-sebab kemenangan perlu diambil tetapi jangan tertipu dengan sebab-sebab tersebut (Ali Muhammad Muhammad al Sollabiy. *Fiqh al Tamkin Inda Daulah al Murabitin*. 1998. Dar al Bayariq Li al Nasyr. Amman.: 77)

Perkara ini dijelaskan menerusi firmanNya dalam tiga ayat iaitu ayat 126, Surah Ali Imran dan ayat 10 dan 17, Surah al Anfal. Ketiga-tiga ayat ini mengajar orang beriman supaya bergantung serta menyerahkan urusan mereka kepada Allah dan penegasan bahawa pertolongan hanya daripada Allah⁵¹. Selain daripada itu, peperangan ini juga telah membentuk suatu suasana baru dalam pemikiran manusia berkenaan neraca penilai kepada kemenangan. Iaitu ia memberi petunjuk kepada umat Islam secara praktikal bahawa faktor kebendaan semata-mata bukanlah faktor kemenangan tetapi terdapat faktor lain lagi iaitu faktor keimanan⁵².

Secara umumnya perkara di atas menunjukkan bagaimana nas-nas berkenaan sunnah Allah sama ada di Makkah atau Madinah adalah turut sarat dengan pendekatan-pendekatan *tarbiah* yang menjadi panduan kepada Rasulullah dan sahabat pada ketika itu. Pendekatan-pendekatan yang dikemukakan daripada nas-nas ini dilihat berbentuk selari dengan keperluan semasa dan peringkat yang berkenaan. Ia secara tidak langsung memandu mereka untuk berada di atas landasan yang betul.

5.3. NAS-NAS PERINGKAT *MAKKI* DAN *MADANI* MENGAJAR KEPERLUAN MASA DALAM MEMBINA AKHLAK

Secara umumnya strategi memberikan masa kepada manusia dalam penghayatan terhadap ilmu dan pengajaran yang telah disampaikan merupakan salah satu perkara yang dapat dilihat dalam penurunan al Quran pada peringkat Makki dan Madani. Antara lain perkara ini boleh dilihat menerusi nas-nas berkaitan syariat itu sendiri. Penurunan syariat adalah bersifat *tadarruj* iaitu dimulai dengan penurunan perkara-perkara asas terlebih dahulu di Makkah manakala perinciannya sama ada dalam bentuk kaedah pelaksanaan atau hukum-hukum yang berkaitan kebanyakannya diturunkan secara sedikit demi sedikit di Madinah. Sebagai contohnya, di Makkah disyariatkan solat dan perkara usul berkenaan zakat dalam keadaan ia dijelaskan beriringan dengan penjelasan persoalan riba⁵³. Perkara ini diturunkan di Makkah disebabkan ia merupakan antara perkara asas yang perlu ditanam dalam jiwa atau dipraktikkan dalam kehidupan seorang muslim.

⁵¹ Dr. Ali Muhammad Muhammad al Sollabiy. *Al Sirah al Nabawiyah. Irdhun Waqa' i' Wa Tahlil Ahdath*. Jil. 2: 67.

⁵² Soleh Ahmad al Syami. *Al Sirah al Nabawiyah: Tarbiyyah al Ummah Wa Bina'u Daulah*. 1992: 97.

⁵³ Rujuk ayat 38-39, Surah al Rum.

Contoh yang lebih nyata berkenaan persoalan ini boleh dilihat menerusi pensyariatian perkara-perkara berikut, antaranya perkara usul tentang *muamalat* diturunkan di Makkah tetapi perincian hukum-hakam yang berkaitan dengannya turun di Madinah seperti ayat berkenaan persoalan hutang, pengharaman riba dan sebagainya. Perkara berkenaan asas-asas kekeluargaan diturunkan di Makkah manakala perinciannya seperti penjelasan tentang hak-hak suami-isteri, kewajiban dalam kehidupan berkeluarga dan yang berkaitan dengannya seperti perkahwinan, talak, pewarisan dan sebagainya diturunkan di Madinah. Begitu juga asal pengharaman zina⁵⁴ diturunkan di Makkah tetapi pensyariatian hukuman-hukuman yang berkaitan dengannya diturunkan di Madinah. Begitu juga asal pengharaman jenayah bunuh⁵⁵ diturunkan di Makkah tetapi perincian tentang hukuman terhadapnya turun di Madinah dan sebagainya⁵⁶.

Di antara hikmah penurunan seperti ini adalah bagi meraikan jiwa manusia yang memerlukan kepada masa untuk menerima sesuatu secara sepenuhnya sepertimana akhlak juga memerlukan masa untuk berubah. Ini memandangkan bahawa syariat yang berbentuk hukum-hakam ini merupakan amanah yang berat untuk dipikul oleh manusia. Ia hanya mampu dipikul dengan baik oleh jiwa yang kukuh dengan keimanan.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa penurunan syariat menerusi wahyu adalah dalam bentuk beransur-ansur selari dengan perkembangan keimanan dan akhlak yang dicapai oleh umat Islam pada ketika itu. Ia menunjukkan bahawa peristiwa-peristiwa yang dilalui para sahabat sebagai sebahagian daripada proses yang ditentukan Allah bagi menyediakan diri mereka untuk menerima syariat sebagai suatu amanah yang mampu dilaksanakan apabila diberikan anugerah kemenangan.

6.0. KESIMPULAN

⁵⁴ Al Quran, al Isra': 32.

⁵⁵ Al Quran, al Isra': 33.

⁵⁶ Manna' al Qattan. *Tarikh al Tasyri' al Islami: al Tasyri' wa al Fiqh*. Muassasah al Risalah. Beirut. Cet. 11. 1993.: 52-55.

Kesimpulannya, nas-nas al Quran peringkat *Makki* dan *Madani* antara lainnya berperanan memandu dan membimbing Rasulullah dan para sahabat khususnya dan umat Islam sepanjang zaman secara umumnya dalam membangunkan akhlak menurut acuan al Quran iaitu *akhlak imani*. Panduan dan bimbingan sepertimana yang dikupas dalam tulisan ini secara tidak langsung boleh dijadikan strategi dalam membangunkan *akhlak imani* itu sendiri.

Kedudukannya sebagai strategi bukan sahaja untuk umat Islam pada zaman penurunan al Quran itu sahaja, tetapi ia juga sebagai strategi kepada umat Islam sepanjang zaman. Ini disebabkan al Quran diturunkan bukan sekadar sebagai penceritaan kisah terdahulu yang tiada kaitan dengan mana-mana manusia selepasnya, bahkan ia sebagai panduan kepada manusia sepanjang zaman. Antara lain strategi yang dapat dikeluarkan daripada tulisan ringkas ini adalah:

- I. Pendedahan berkenaan tabiat perjalanan dakwah- ia secara tidak langsung membantu dalam merangka strategi dalam menangani cabaran dan mendepani perjalanan dakwah dan pembinaan *akhlak imani*.
- II. Pendedahan berkenaan pendekatan tarbiah dan dakwah- ia secara tidak langsung membantu dalam merangka strategi menangani manusia dalam pembangunan *akhlak imani* berdasarkan tahap keupayaan penerimaan mereka terhadap dakwah dan tarbiah.
- III. Pendedahan berkenaan kedudukan masa dalam pembinaan akhlak manusia- ia secara tidak langsung membantu dalam merangka strategi pembinaan *akhlak imani* yang tersusun dan mengelak daripada gopoh dalam mengharapkan hasil gerakerja yang berkenaan.

RUJUKAN

- Al Quran
- Abdul Halim al Jundi. *Al Quran wa minhaj al ilmi al Mu'asir*. 1984. Dar al Ma'arif. Kaherah
- Ahmad Bahjat. *Anbiya' Allah*. 1995. Dar al Syuruq. Cet. 12. Kaherah.

- Al Askolani, al Imam al Hafiz Ahmad Ibn Hajar. *Fathu al Bari bi Syarhi Sohih al Bukhari*. 1986. Dar al Rayyan Li al Turath. Jil. 1. cet. 1. Kaherah.
- Al Qardawi, Dr. Yusuf. *Awlawiyat al Harakah al Islamiyah fi al Marhalah al Qadimah*. 1992. Maktabah Wahbah. Kaherah. Cet. 4.
- Al Ustaz Doktor Muhammad Amhazun. *Manhaj al Nabi fi al Da'wah Min Khilal al Sirah al Sohihah*. 2003. Dar al Salam. Cet. 3. Kaherah.
- al Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. *Manahilu al urfan fi ulum al Quran*. 1988. Dar al kutub al ilmiyah. Beirut, Lubnan. Cet. 1.
- Ali Muhammad Muhammad al Solabiy. *Fiqh al Tamkin Inda Daulah al Murabitin*. 1998. Dar al Bayariq Li al Nasyr. Amman.
- Aziz al Sayyid Jasim. *Muhammad al haqiqah al Uzma*. 1987. Dar al Andalus. Beirut. Cet. 1.
- Dr. Abdul Jalil Ibrahim Hamadi al Fahdawi. *Athar al Quran al karim Fi Taghyir al Hayah al Ijtimaiyyah Fi Mujtama' al Arabi*. 2006. Dar al Kutub al Ilmiyyah. Cet. 1. Beirut.
- Dr. Abdul Mun'im Majid. *Tarikh al Hadharah al Islamiyyah Fi al Usur al Wusto*. 1978. Maktabah al Angelo al Masriyyah. Kaherah. Cet: 4
- Dr. Ali Muhammad Muhammad al Sollabiy. *Al Sirah al Nabawiyah. Irdhun Waqa'i' Wa Tahlil Ahdah*. 2003. Cet. 12. Dar al Tauzi' wal Nashr.
- Dr. Muhammad Abdullah Darraz. *Dustur al Akhlak Fi al Quran*. 1998. Mu'assasah al Risalah. Beirut. Cet. 10.
- Dr. Muhammad Ibrahim al Hafnawi. *Dirasat Fi al Quran al Karim*. T.th. Dar al Hadith. Kaherah
- Dr. Muhammad Said Ramadhan al Buthi. *Minhaj al Hadharah al Insaniyah fi al Quran*. 1998. Dar al fikri. Damsyik. Syria. cet. 2.
- Dr. Zaki Mubarak. *Al Akhlak inda al Ghazali*. T.th. Al Matba'ah al Rahmaniyyah. Mesir. Cet. 2.
- Ibnu Kathir, al Hafiz Imad al Din Abi al Fida' Ismail. *Tafsir al Quran al Karim*. 1991. Dar al Khair. Beirut. Cet. 2. Jil. 1.
- Ibnu Manzur, Muhammad Ibnu Mukarram. *Lisan al Arab*. 1966. Matba'ah al Misriyyah. Mesir.
- Ibnu Taimiyah, Syeikh al Islam Taqiyyuddin Ahmad. Tahqiq: Abdullah Badran & Muhammad Omar al Haji. *Makarim al Akhlak*. 1994. Dar al Khair. Cet. 1. Beirut.
- Manna' al Qattan. *Tarikh al Tasyri' al Islami: al Tasyri' wa al Fiqh*. 1993. Muassasah al Risalah. Beirut. Cet. 11.
- Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. *Islam Dan Aqidah (Satu Pengantar)*. 1985. al Omari Sdn. Bhd. Selangor.
- Muhammad Azzah Darwazah. *Al Tafsir al Hadith: Tartib al Suar Hasba al Nuzul*. 2000. Dar al Gharbi al Islami. Beirut. Cet. 2.
- Muhammad Qutb. *Manhaj al Tarbiah al Islamiyah*. 2001. Cet. 15. Dar al Syuruq. Kaherah.
- Roja Abdul Hamid Arabi. *al Kaun wa al Ard wa al Insan fi al Quran*. 1994. Dar al Khair. Beirut. Cet. 1.
- Said Qutub. *Fi Zilal al Quran*. 1992. Dar al Syuruq. Kaherah. Jil. 6. Cet. 17.
- Salim Ibnu Said Ibnu Masfar Ibnu Jabbar. *Al Iqna' Fi al Tarbiyah al Islamiyah*. 2001. Dar al Andalus al Khadra'. Cet. 2. Jeddah, Arab Saudi
- Sofi al Rahman al Mubarakfuri. *Al Rahiq al Makhtum*. 1991. Dar al wafa' Mansurah, Mesir.
- Soleh Ahmad al Syami. *Al Sirah al Nabawiyah: Tarbiyyah al Ummah Wa Bina'u Daulah*. 1992. Cet. 1. Al Maktab al Islami. Beirut.